

MASYARAKAT

[FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH]

## JCorp lancar konsep Ladang Tanpa Tunai

**Kota Tinggi:** Johor Corporation (JCorp) menerusi Virtualflex Sdn Bhd (Virtualflex) dengan kerjasama Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim), semalam melancarkan konsep ekonomi pintar yang pertama di Malaysia iaitu Ladang Tanpa Tunai.

Jika sebelum ini pekerja asing di ladang milik Kulim menerima gaji mereka secara tunai, kini menerusi pelancaran Ladang Tanpa Tunai itu, kemudahan pembayaran gaji bulanan tanpa tunai akan dibuat menerusi KASH Card.

Ia memanfaatkan lebih 500 pekerja asing di ladang milik Kulim dan dijangka konsep itu dapat diperluas ke semua 30 ladang milik anak syarikat JCorp menjelang suku kedua tahun ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim, berkata pelaksanaan Ladang Tanpa Tunai selari dengan saranan kerajaan yang mahu mewujudkan persekitaran atau ko-

muniti tanpa tunai bagi sebarang aktiviti pembelian atau transaksi.

Katanya, pelaksanaan konsep seperti itu memudahkan pekerja ladang kerana tidak perlu menunggu lama untuk menerima gaji bulanan yang dibayar secara tunai.

### Kurang kos operasi

"Penggunaan KASH Card dapat mengurangkan kos operasi kepada pengusaha estet yang masih lagi membayar gaji secara tunai kepada pekerja mereka. Ia juga memberi pelbagai kemudahan kepada pekerja dan cara selamat menyimpan duit gaji mereka.

"Konsep ini membolehkan pekerja atau pengguna kad melakukan pelbagai transaksi seperti kiriman wang, transaksi atas talian atau menambah nilai prabayar tanpa perlu ke bandar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan majlis pembukaan Kompleks Penyelidikan dan Pengu-

nan (R&D) Kulim dan Pelancaran Ladang Tanpa Tunai, semalam.

Kamaruzzaman mengumumkan kemudahan KASH Card itu sedia dilaksanakan di mana-mana ladang yang kini mengalami cabaran pembayaran gaji kepada pekerja asing dan menghadapi isu pengurusan gaji secara tunai yang membabitkan soal keselamatan.

"Tiga ladang milik Kulim sudah melaksanakan konsep KASH Card ini sejak Oktober tahun lalu iaitu Ladang Sedenak, Mutiara dan Basir Ismail yang mendapat reaksi positif pekerja ladang asing yang menggunakannya," tambahnya.

Bagi mewujudkan Ladang Tanpa Tunai, Virtualflex membekalkan terminal KASH Card yang dipasang di ladang Kulim dan pada masa sama, turut memberi bimbingan kepada pekerja ladang kaedah mengendalikan sistem E-Wallet sebagai satu kaedah pembayaran yang cekap.



**Kamaruzzaman (dua dari kiri)** diiringi Pengarah Eksekutif Kulim Berhad, Zulkifly Zakariah (tiga dari kiri) melawat kompleks penyelidikan ketika majlis pembukaan Kompleks R&D Kulim and Cashless Estate di Kota Tinggi, semalam.